



TIMBALAN Perdana Menteri Datuk Musa Hitam (tengah) diberi penerangan mengenai projek pembinaan ban batu di Kampung Sungai Padang, Perlis oleh Pengurus Besar MADA Datuk Syed Ahmad Almahdali (kiri) ketika beliau melawat projek tersebut semalam.

Ban tersebut mula dibina sejak dua tahun yang lalu untuk menahan tebing pantai dari hakis-

Datuk Musa diberi penerangan projek binaan ban batu

an ombak laut. Datuk Musa berdukacita kerana sudah beberapa tahun keadaan pantai Negeri Perlis di makan ombak dan keadaan itu dibiarkan begitu sahaja.

Turut mengiringi lawatan Timbalan Perdana Menteri Ahli Exco

Kerajaan Perlis, Encik Mohd Zain Hamzah (bersongkok). Datuk Musa kemudiannya meneruskan lawatannya ke tapak perindustrian di Jelawi Sematang dan kompleks Kem Tentera di Oran yang tidak jauh dari situ.